



Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: (77)dIm.JK/MA 38 Vol.IV

Tarikh: 27 Ogos 1998

Hakim Kanan/Hakim  
Mahkamah Sesyen  
Semenanjung

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

Majistret  
Mahkamah Majistret  
Semenanjung

Dato'/Tuan/Puan

**ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 1998**  
**Lelongan Awam Hartanah Mahkamah Tinggi**  
**Yang Dibuat di Luar Stesen**

-----

Adalah saya dengan segala hormatnya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Y.A.A. Hakim Besar Malaya mengarahkan bahawa sekiranya terdapat perintah jualan secara lelongan awam keatas hartanah dan menghendaki supaya lelongan awam itu diadakan di luar stesen maka amalan-amalan berikut hendaklah diikuti:

1. Pelelong yang dilantik bagi membantu Mahkamah untuk mengendalikan lelongan mestilah pelelong yang memiliki lesen pelelong di negeri di mana lelongan akan diadakan.
- ii. Suratan Hakmilik Tanah yang hendak dilelong hendaklah didepositkan oleh plaintif ke dalam Mahkamah Tinggi yang mengeluarkan perintah jualan dalam masa tidak kurang dari satu minggu sebelum tarikh pelelongan.
- iii. Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi yang mengeluarkan perintah hendaklah

*Pu. Halijah.*  
*G. h.*



memaklumkan kepada Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi luar stesen untuk menyelia lelongan awam pada masa tarikh yang ditetapkan.

- iv. Penawar/pembeli hendaklah menandatangani 10% daripada harga rizab dalam bentuk draf bank, sebelum pelelongan dijalankan atas nama Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi yang mengeluarkan perintah.
- v. Sekiranya harga jualan melebihi harga rizab maka pembeli yang berjaya hendaklah membayar jumlah perbezaan antara 10% harga jualan dan 10% harga rizab melalui draf bank di atas nama Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi yang mengeluarkan perintah.
- vi. Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi di luar stesen berkenaan hendaklah, selepas menerima 10% harga jualan hendaklah mengemukakan draf bank tersebut bersama-sama dengan laporan lelongan dan kontrak jualan yang telah ditandatangani ke Mahkamah Tinggi yang mengeluarkan perintah dalam masa 7 (tujuh) hari dari tarikh lelongan dijalankan.
- vii. Baki wang jualan sebanyak 90% hendaklah dibayar oleh pembeli melalui draf bank terus kepada Mahkamah Tinggi yang mengeluarkan perintah atas nama Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar dalam masa 90 hari atau masa-masa lain seperti yang diperintahkan Mahkamah yang mengeluarkan perintah.
- viii. Tindakan-tindakan seterusnya berkaitan pelelongan ini seperti pembayaran, komisyen, menandatangani borang pindah milik dan urusan-urusan lain yang berkaitan akan dikendalikan oleh Mahkamah Tinggi yang mengeluarkan perintah.

3. Urusan pelongan awam hartanah di luar stesen ini tidak melibatkan perpindahan fail dari Mahkamah Tinggi yang mengeluarkan perintah ke Mahkamah Tinggi di luar stesen.

4. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 1/1997 bertajuk *Lelongan Awam Hartanah di Mahkamah Tinggi*.

5. Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai tarikh 1 September 1998.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah



( **MAT ZARAAI BIN ALIAS** )

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Kuala Lumpur

s.k.



Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. Presiden  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi  
93506 Kuching

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Ketua Bahagian Sivil  
Jabatan Peguam Negara Malaysia  
Tingkat 5 11 - 20 Bangunan Bank Rakyat  
Jalan Tangsi  
50512 Kuala Lumpur

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
93506 Kuching

Pendaftar  
Mahkamah Khas Malaysia  
Kuala Lumpur

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Majlis Peguam  
No. 5 Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur

MZA/fz  
ampmt2